

Maklumat PEMATUHAN TAMBAHAN

Maklumat yang dinyatakan di bawah dibentangkan bagi mematuhi Keperluan Penyenaaraan Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities):

(1) Penggunaan Kutipan yang Dikumpul daripada Cadangan Korporat

Pada 31 Mac 2009, Syarikat telah menggunakan sepenuhnya kutipan daripada penerbitan Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) berjumlah RM200.0 juta. Butiran penggunaan kutipan tersebut adalah seperti berikut:

Tujuan	Cadangan Penggunaan RM'000	Penggunaan Sebenar RM'000	Tempoh Masa Yang Dikehendaki Untuk Penggunaan
(i) Untuk membuat suntikan ekuiti baru ke dalam anak-anak syarikat	80,000	80,000	Diguna sepenuhnya
(ii) Untuk menampung penggunaan wang bagi suntikan ekuiti terdahulu ke dalam anak-anak syarikat	115,000	115,000	Diguna sepenuhnya
(iii) Untuk membiayai perbelanjaan berkaitan dengan IMTN	765	765	Diguna sepenuhnya
(iv) Untuk membiayai keperluan modal kerja dan/atau pelaburan am MNRB	4,235	4,235	Diguna sepenuhnya
Jumlah	200,000	200,000	

(2) Perbezaan Keputusan

Syarikat telah mencatat perbezaan positif iaitu sebanyak 15.9% dalam keuntungan bersih disatukan antara keputusan tidak diaudit yang diumumkan kepada Bursa Securities pada 27 Mei 2009 dan Penyata Kewangan Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009 yang akan dikeluarkan kepada Bursa Securities pada 30 Julai 2009.

Keuntungan bersih yang dilaporkan dalam Laporan Kewangan Interim tidak diaudit pada 31 Mac 2009 adalah sebanyak RM22.7 juta manakala keuntungan bersih yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan Diaudit adalah sebanyak RM26.3 juta.

maklumat **pematuhan tambahan** (samb.)

(2) **Perbezaan Keputusan (samb.)**

Penyesuaian bagi perbezaan positif sebanyak 15.9% atau RM3.6 juta adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual A di bawah:

JADUAL A
PENYESUAIAN PERBEZAAN KEUNTUNGAN BERSIH ANTARA KEPUTUSAN
TIDAK DIAUDIT DAN PENYATA KEWANGAN DIAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2009

	Penyata Kewangan Diaudit	Laporan Kewangan Interim Tidak Diaudit	Perbezaan Keputusan Diaudit Dengan Tidak Diaudit		
	RM'000	RM'000	RM'000	(%)	Nota
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	40,457	35,396	5,061	14.3%	(i)
Zakat	(120)	(119)	(1)	0.8%	(ii)
Perbelanjaan cukai	(14,049)	(12,590)	(1,459)	11.6%	(ii)
Keuntungan bersih	26,288	22,687	3,601	15.9%	

Nota:

- (i) Peningkatan keuntungan sebelum zakat dan cukai adalah disebabkan terutamanya oleh pelarasan bagi lebihan peruntukan dalam pengurusan perbelanjaan oleh Syarikat dan anak-anak syarikat.
- (ii) Peningkatan perbelanjaan zakat dan cukai disebabkan oleh pelarasan di atas.